

Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)



Oleh Siti Nur Azzyati Binti Saharuddin
Pensyarah Jabatan Pengurusan Citra Islami
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur
azzyati@kpbkl.edu.my

Zakat merupakan salah satu dari tiang agama dan merupakan rukun Islam yang ketiga. Zakat daripada sudut bahasa disebut sebagai berkembang, suci, subur dan bersih. Manakala dari sudut istilah ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu yang wajib diberikan kepada golongan tertentu dengan syarat-syarat tertentu dan kadar tertentu. Mengeluarkan zakat juga bererti membersihkan harta dari sebarang perkara syubhah dengan kata lain mengeluarkan hak orang lain di dalam harta berkenaan, terutamanya hak orang yang benar-benar berhajat dan memerlukannya. Zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat KWSP adalah di bawah kategori zakat harta.

Zakat KWSP merupakan zakat ke atas caruman wang simpanan pekerja dan majikan ke dalam KWSP, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) atau seumpamanya. Ianya sama seperti zakat simpanan di mana kadar zakatnya adalah sebanyak 2.5%. Dalam keputusan mesyuarat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-5 dan kali ke-74 yang menyatakan hukum mengenai zakat KWSP adalah seperti berikut: 1) wang simpanan KWSP wajib dikeluarkan bagi pekerja-pekerja Islam sebagai zakat bila cukup haulnya iaitu setahun setelah penerimaannya, 2) pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima wang simpanan KWSP jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun.

Terdapat juga dua pandangan berkaitan zakat KWSP iaitu: 1) Milik sempurna, di mana zakat ini hanya wajib dikeluarkan ketika pencarum mengeluarkan wang tersebut (sama ada ketika bersara atau membeli rumah) asalnya melebihi nisab dan kadarnya ialah 2.5%. Manakala pandangan 2) Milik tidak sempurna, di mana caruman pekerja yang tersimpan di dalam KWSP sahaja dikenakan zakat apabila cukup haul dan nisab. Ini bermakna zakat perlu dikeluarkan setiap tahun apabila pencarum memenuhi syarat-syarat yang ada walaupun wang tersebut masih dalam simpanan pihak KWSP, kadarnya masih sama iaitu 2.5%.